

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	25 JULY 2017

Doakan Malaysia aman: PM

BH-25/7/2017 Pg.3

➔ Najib, isteri luang masa bersalaman dengan kumpulan kedua jemaah haji

**Oleh Luqman Arif
Abdul Karim**
luqman.arif@bh.com.my

▸ Kelana Jaya

Jemaah haji diminta mendoakan keamanan dan kedudukan Malaysia supaya sentiasa dalam lindungan Allah, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, setiap jemaah yang berangkat ke Tanah Suci mempunyai nawaitu sama, namun dimohon meluangkan masa menitipkan doa untuk Malaysia.

“Tunaikan ibadat sedaya mungkin, tapi saya minta dalam doa kita (jemaah haji), mintalah pada Allah supaya Malaysia aman, berjaya dan terus

disanjung tinggi semua pihak.

“Semoga semua mendapat haji mabrur dan dikurniakan balasan syurga oleh Allah, Insya-Allah,” katanya pada upacara majlis Selamat Jalan Jemaah Haji, di sini, semalam.

Bersalaman dengan jemaah Perdana Menteri ditemani isteri, Datin Seri Rosmah Mansor turut meluangkan masa bersalaman dengan sebahagian daripada kumpulan kedua jemaah haji, membabitkan 420 orang yang akan berlepas menaiki penerbangan jam 9.30 malam ke Madinah, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Duta Besar Arab Saudi ke Ma-

laysia, Mahmoud Hussen Qattan; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Asyraf Wajdi Dusuki dan Pengerusi Tabung Haji (TH), Datuk Seri Abdul Azeez Rahim.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, menteri yang ditugaskan menyelia TH saban tahun meminta pertimbangan meneruskan pemberian subsidi oleh kerajaan untuk manfaat jemaah haji.

“Dari 2006, kos ditanggung jemaah tidak pernah naik dan ini komitmen kerajaan supaya menjadi sumbangan tetap kepada TH.

“Kita tanggung subsidi hampir 100 peratus, berjumlah RM9,570 jika dibandingkan dengan kos dibayar jemaah iaitu RM9,980,” katanya.